



جاپتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Bolehkan sesuatu nazar yang kita telah lafazkan, dibatalkan sebelum hajat kita dikabulkan oleh Allah ﷻ ?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ beserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Nazar bermaksud mewajibkan ke atas diri sendiri suatu perbuatan qurbah (mendekatkan diri kepada Allah ﷻ, iaitu yang baik sahaja), yang tidak ditentukan olehnya secara asal dalam Syariat, sama ada secara mutlak atau secara ta'liq.

Allah ﷻ berfirman dalam Surah Al-Hajj : 29 ;

ثُمَّ لِيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلِيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلِيَطَّوَفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Maksudnya : “Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu”.

Daripada Aisyah رضي الله عنها, Sabda Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

"مَنْ نَذَرَ أَنْ يُطِيعَ اللَّهَ فَلْيُطِعْهُ، وَمَنْ نَذَرَ أَنْ يَعْصِيَهُ فَلَا يَعْصِهِ"

Bermaksud :“ Barangsiapa yang bernazar untuk mentaati Allah maka hendaklah dia melaksanakan ketaatan itu, dan barangsiapa yang bernazar untuk melakukan maksiat maka janganlah dia melakukan maksiat itu.” (Riwayat Bukhari, no. 6696)

Bagi menjadikan nazar itu wajib dilaksanakan perlu sempurna rukun-rukunnya. Antaranya ialah :

1. Sighah ; hendaklah disebut dengan perkataan.
2. Orang yang bernazar.
3. Perkara yang dinazarkan.

Apabila seseorang bernazar maka adalah wajib untuk menunaikannya. Contohnya apabila seseorang berkata :

“Sekiranya Allah menyembuhkan penyakitku ini, maka demi Allah aku akan berpuasa.”

Ayat tersebut telah mencukupi syarat sighah iaitu disebut dalam bentuk perkataan, bukan sekadar niat dan dengan lafaz yang membawa maksud (iltizam) mewajibkan diri.

Orang yang bernazar mestilah :

- i. Islam.
- ii. Taklif, tidak sah bagi kanak-kanak dan orang gila.
- iii. Secara sukarela, tiada paksaan. Sekiranya seseorang itu bernazar kerana dipaksa oleh orang lain maka tidak sah nazarnya.

Jenis perkara yang dinazarkan ;

- i. Perkara ibadat. Tidak boleh dinazarkan kepada sesuatu yang harus pada pandangan syarak seperti meninggalkan makan dan minum dan lain-lain perkara yang harus dari segi syarak. Berdasarkan satu hadis no. 152 dalam kitab Riyadus Solihin Imam An-Nawawi :

وعن ابن عباس رضي الله عنهما قال: بينما النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ إِذَا هُوَ بِرَجُلٍ قَائِمٍ، فَسَأَلَ عَنْهُ فَقَالُوا: أَبُو إِسْرَائِيلَ نَذَرَ أَنْ يَقُومَ فِي الشَّمْسِ وَلَا يَقْعُدَ، وَلَا يَسْتَظِلَّ وَلَا يَتَكَلَّمَ، وَيَصُومَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مُرُوهُ فَلْيَتَكَلَّمْ وَلْيَسْتَظِلَّ وَلْيَقْعُدْ وَلْيُتِمِّمْ صَوْمَهُ". (رواه البخاري)

Bermaksud : *daripada Ibnu Abbas ؓ katanya, sewaktu Nabi ﷺ sedang berkhotbah, tiba-tiba baginda melihat seorang lelaki sedang berdiri, lalu baginda bertanya tentang lelaki itu. Para sahabat menjawab, "Dialah Abu Israil yang bernazar untuk berdiri dan tidak duduk, tidak berteduh, tidak bercakap dan terus berpuasa". Nabi ﷺ bersabda, "Perintahkan dia untuk bercakap, berteduh, duduk dan menyempurnakan puasanya."* (Hadis Riwayat Bukhari)

- ii. Tidak bernazar dalam perkara-perkara maksiat. Pandangan Imam Nawawi dalam kitab Majmuknya :

"وَأَمَّا الْمَعَاصِي كَالْقَتْلِ وَالزَّيْنِ وَصَوْمِ يَوْمِ الْعِيدِ وَأَيَّامِ الْحَيْضِ وَالتَّصَدُّقِ بِمَا لَا يَمْلِكُهُ فَلَا يَصِحُّ نَذْرُهُ ؛ لَمَّا رَوَى عَمْرَانَ بْنِ الْحُصَيْنِ رضي الله عنه أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (لَا نَذَرَ فِي مَعْصِيَةٍ ، وَلَا فِيْمَا لَا يَمْلِكُ ابْنُ آدَمَ) وَلَا يَلْزِمُهُ بِنَذْرِهَا كَفَّارَةٌ"

Maksudnya : *" Dan adapun bernazar maksiat itu seperti membunuh, berzina, puasa hari raya(pertama), puasa ketika hari haid dan bersedekah dengan barang yang bukan miliknya, maka tidak sah nazarnya. Tatkala itu diriwayatkan hadis dari Amran bin Al-husain ؓ, sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ bersabda : "Tiada nazar untuk melakukan maksiat kepada*

Allah, dan tiada juga pada harta yang bukan miliknya”, dan tidak boleh melunaskan nazar maksiatnya dengan kafarah”.

- iii. Perkara yang dinazarkan itu bukanlah sesuatu perkara yang telah diwajibkan secara fardhu ain seperti solat fardhu, puasa ramadan dan sebagainya.

Sekiranya semua syarat dipenuhi maka wajiblah untuk menunaikan nazar tersebut.

Sebahagian ulamak berpendapat bahawa **makruh** memulakan nazar sekalipun wajib melaksanakan dan berpahala tetapi lebih baik bagi seorang muslim melakukan qurbah terus tanpa diikat dengan nazar dan jika seorang itu bergantung kepada nazar, itu menunjukkan kepada kebakhilan diri sendiri. Ini berdasarkan hadis Ibnu Umar, Sabda Rasulullah ﷺ :

"لَا تَنْذُرُوا فَإِنَّ النَّذَرَ لَا يُغْنِي مِنَ الْقَدَرِ شَيْئًا وَإِنَّمَا يُسْتَخْرَجُ بِهِ مِنَ الْبَخِيلِ"

Bermaksud : *“Jangan kamu bernazar, Sesungguhnya bernazar itu tidak mendahulukan suatu ataupun mengakhirkannya, ia hanya dibuat oleh orang yang bakhil sahaja.”* (Hadis Riwayat al-Bukhari (6692))

Berdasarkan ulasan diatas, maka kami berpandangan apabila seseorang bernazar, maka ia **wajib** melaksanakan nazar tersebut, tidak boleh sewenang-wenangnya kita membatalkannya. Walaupun begitu nazar tersebut terikat dengan jenis-jenis nazar diatas. Firman Allah ﷻ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Bermaksud : *“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.”*

Jika tidak mampu dan mahu membatalkan nazar, dituntut ke atas kita membayar kafarah sumpah seperti dinyatakan dalam hadis di bawah :

"مَنْ نَذَرَ نَذْرًا لَمْ يُسَمِّهِ فَكَفَّارَتُهُ كَفَّارَةُ يَمِينٍ"

Bermaksud : “Sesiapa yang bernazar dengan satu nazar, namun dia tidak mampu melakukannya, maka kafarahnya adalah kafarah sumpah.” (Hadis riwayat Ibnu Majah, No 2128)

Justeru itu, wajib kita menunaikan satu daripada tiga perkara berikut untuk menggantikan kafarah sumpah iaitu:

- Memberi makan kepada 10 orang miskin.
- Memberi pakaian kepada 10 orang miskin.
- Memerdekakan seorang hamba sahaya.

Jika tiga perkara itu tidak dapat ditunaikan, maka perlu **berpuasa selama tiga hari**. Ini berdasarkan firman Allah ﷻ dalam surah al-Maidah ayat 89 :

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّعْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَّرْتُمْ وَإِطْعَامُ
عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ
أَيَّامٍ ذَلِكَ كَفْرَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَأَحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ

Bermaksud : “Allah ﷻ tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi Dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengajakan, maka kafarah (melanggar) sumpah itu ialah memberi makan sepuluh orang miskin iaitu daripada makanan yang biasa kamu berikan kepada keluargamu atau memberi pakaian kepada mereka atau memerdekakan seorang budak. Barang siapa tidak sanggup melakukan yang demikian, maka kafarahnya puasa selama tiga hari. Yang demikian itu adalah kafarah sumpah-sumpahmu bila kamu bersumpah (dan kamu langgar) dan jagalah sumpahmu. Demikianlah Allah menerangkan kepadamu hukum-hukum-Nya agar kamu bersyukur (kepada-Nya).”

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مَرْجِعُ الْمُنَابِتِ

Rujukan :

1. Fiqh Manhaji : Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho, Ali Asy-Syarbaji
2. Al-Kafi : 649
3. Al-Quran dan Terjemahan
4. Kitab majmuk Imam An-Nawawi 8/452